

05 OCT 1999

Mahathir-Anwar

DR MAHATHIR HAIRAN ANWAR LAMA DI HOSPITAL

Oleh: Muin Abdul Majid

VICTORIA FALLS (Zimbabwe), 5 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau hairan mengapa Datuk Seri Anwar Ibrahim menjalani rawatan yang lama di hospital.

"Dia duduk lama sangat di hospital. Saya tak tahu apa dia buat...adakah dia sakit di hospital?" katanya ketika ditanya mengenai kenyataan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada Ahad lepas bahawa ujian klinikal yang dibuat di Malaysia dan luar negara menunjukkan Anwar tidak mengalami keracunan arsenik.

(Di Kuala Lumpur hari ini, Anwar disahkan tidak mengalami keracunan arsenik akut atau kronik berdasarkan laporan pemeriksaan oleh Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia yang dikemukakan di Mahkamah Tinggi).

Dr Mahathir berada di Zimbabwe untuk menghadiri Dialog Antarabangsa Selatan Afrika Ketiga (SAID '99) dan telah menyampaikan ucap taja bertajuk "Pengalaman Malaysia Dalam Menguruskan Pemulihan Ekonomi Sambil Menjaga Tanggungjawab Sosio-Ekonomi" pada jamuan malam sempena dialog itu.

Perdana Menteri memberitahu wartawan Malaysia yang membuat liputan dialog itu bahawa nampaknya Anwar menerima banyak pelawat sewaktu berada di hospital.

"Kalau dia sakit macam saya sakit hari itu, tentu tidak ada pelawat," katanya.

Dr Mahathir menerima rawatan di Institut Jantung Negara kerana penyakit bronkitis sekembalinya daripada melakukan ibadat haji awal tahun ini.

"Orang yang ada visitors ini tak berapa sakit la kot, boleh la pergi court," katanya.

Anwar yang kini menjalani hukuman penjara enam tahun kerana rasuah penyalahgunaan kuasa, juga sedang menghadapi perbicaraan di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur kerana dituduh meliwat.

Beliau dimasukkan ke Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia di Cheras, Kuala Lumpur 10 Sept lalu setelah mendakwa diracun .

Anwar dibenarkan keluar dari HUKM semalam.

-- BERNAMA

MAM MAI